



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 10/2020 (Pindaan No.2)

1. Dasar Cukai Perkhidmatan No.10/2020 dipinda seperti berikut:

1.1 Menggantikan perenggan 2, perenggan yang berikut:

2. Menteri Kewangan telah menetapkan perkhidmatan digital berkaitan perkhidmatan perbankan/kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan, **tidak** tertakluk kepada cukai perkhidmatan berdasarkan seksyen 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mulai 1 Januari 2020 sehingga 31 Julai 2025.

1.2 Menggantikan perenggan 4.1, perenggan yang berikut:

4.1 Bank, bank pelaburan atau mana-mana institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759], Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704] atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705].

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA